



“ PERANAN NGO DALAM MENANGANI MASALAH DADAH ”


oleh

**YAYASAN PENCEGAHAN
JENAYAH MALAYSIA
(MCPF)**

1. YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)

- **Sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO)**
 - **Ditubuhkan pada tahun 1993**
 - **Penaung : YAB Perdana Menteri Malaysia**
 - **Pengerusi : YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
(Menteri Kanan Pertahanan)**
 - **Timbalan Pengerusi : YDH Ketua Polis Negara (Ex-Officio)**
 - **41 ahli Majlis Eksekutif MCPF yang terdiri daripada orang-orang terpenting dan kenamaan dalam sektor awam dan swasta.**
- 

2. OBJEKTIF

- 
- i. Mempromosikan kesadaran dan penyertaan awam dalam usaha pencegahan jenayah.**
 - ii. Menyumbang kepada peningkatan langkah-langkah berkesan bagi pencegahan jenayah dan pemulihan pesalah.**

3. JAWATANKUASA PENCEGAHAN JENAYAH BERKAITAN DADAH MCPF

- MCPF telah mengambil inisiatif sendiri dengan menubuhkan Jawatankuasa ini bagi merangka dan menjalankan program kempen dan kesedaran pencegahan jenayah berkaitan penyalahgunaan dadah kepada masyarakat di seluruh negara terutamanya golongan ibu bapa dan pelajar.
- Antara aktiviti yang dijalankan :
 - i. Ceramah kepada golongan remaja / pelajar sekolah / belia / orang awam;
 - ii. Forum dan Dialog Penyalahgunaan Dadah;
 - iii. Program Jihad Dadah seperti video pendek, larian dan kem;
 - iv. Program Townhall Discussion.



Tubuh suruhanjaya kaji semula dasar berkaitan dadah, kata Lee

KUALA LUMPUR: Satu suruhanjaya khusus perlu ditubuhkan bagi mengkaji semula dasar berkaitan dadah untuk membawa pembaharuan dan perubahan yang lebih relevan, kata Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye.

Katanya suruhanjaya tersebut perlu dianggotai pemimpin tertinggi agensi-agensi kerajaan berkaitan, pertubuhan bukan kerajaan dan pakar. Menurutnya suruhanjaya tersebut perlu mengkaji pendekatan berkaitan dadah sedia ada dan memperkenalkan polisi baharu dadah yang rasional, untuk menangani masalah itu secara efektif dan komprehensif.

“Suruhanjaya tersebut juga harus melakukan analisis menyeluruh mengenai kegagalan pelbagai program dan inisiatif untuk menangani isu dadah yang selama ini hanya memberi tumpuan kepada penangkapan dan menghukum penagih dadah.

“Ia juga perlu mengambil kira cadangan untuk dekriminialisasi (menyahjenayah) penagih dadah kerana mereka tidak seharusnya dilihat sebagai penjenayah tetapi pesakit yang perlu dirawat dan dipulihkan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam



Dasar dadah negara perlu dikaji semula - Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

[Bernama](#)

Diterbitkan 9 Jan 2020

Dasar Dadah Negara (DDN) perlu dikaji semula supaya usaha memerangi gejala penagihan dan penyalahgunaan bahan terlarang itu dapat dilakukan secara bersepadu, kata Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Lee Lam Thye.

Beliau berkata cabaran masa kini dalam memerangi musuh nombor satu negara itu adalah lebih rumit berbanding pada era tahun 1970-an dan 1980-an berikutan pengedar dadah kini agresif mempengaruhi generasi muda dengan menggunakan media sosial dan dadah sintetik sebagai tarikan.

“Perlu segera kaji semula dan perbaiki kelemahan yang terdapat dalam DDN bagi merumuskan pendekatan yang lebih bersepadu.


“Masyarakat khususnya ibu bapa perlu sama-sama terlibat dalam memastikan gejala ini dapat dikurangkan kerana penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak cukup,” katanya kepada pemberita semasa melakukan lawatan kerja sehari di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis di Kangar, semalam.

4. PERANAN NGO DALAM MENGATASI MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH


NGO berfungsi sebagai sistem sokongan dan agen perubahan kepada masyarakat.

- Pelengkap kepada usaha kerajaan dalam rawatan dan pemulihan dadah.
- Tindakan-tindakan yang dapat diambil adalah menggerakkan usaha bersepadu secara individu atau kolektif pada peringkat masyarakat, nasional dan antarabangsa untuk mencegah, merawat dan memulihkan penagih dadah.

PERANAN NGO DALAM MENGATASI MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH

- 
- i. Penyebaran Maklumat – Menyediakan dan menyampaikan maklumat kepada kumpulan sasaran menggunakan medium yang bersesuaian.
 - ii. Memberikan kemahiran dan kesedaran tentang pendidikan pencegahan dadah kepada golongan muda secara berterusan.
 - iii. Melaksanakan program atau intervensi rawatan dan pemulihan berasaskan komuniti kepada penagih dadah dan orang yang rapat dengan mereka.
 - iv. Menyediakan fasiliti rawatan dan pemulihan dadah bagi mewujudkan kepelbagaian sumber sokongan dalam komuniti.

PERANAN NGO DALAM MENGATASI MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH

- 
- v. Membantu mencari pekerjaan kepada bekas penagih yang pulih / tamat proses pemulihan.
 - vi. Program sokongan atau persediaan untuk menepis stigma masyarakat kepada bekas penagih bagi mencegah penagihan semula dan mengekalkan keadaan bebas dadah.
 - vii. Mewujudkan gerakan, mobilisasi, kerjasama, melantik jawatankuasa dan membawa semua entiti masyarakat untuk bersatu dalam menangani masalah dadah dalam komuniti setempat.
 - viii. Menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan dan masalah dadah setempat kepada pihak berkuasa.

5. KESIMPULAN

Tiada pihak boleh menyelesaikan masalah dadah secara bersendirian. Kerajaan bukan sahaja memerlukan sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan sukarela dan organisasi keagamaan, tetapi juga komitmen penuh mereka dalam membanteras dadah.

Memandangkan kunci untuk memerangi dadah terletak pada pencegahan, strategi peringkat kebangsaan diperlukan untuk melibatkan mereka di rumah, dalam masyarakat serta di tempat kerja untuk membantu membasmi ancaman dadah.

Peranan aktif ibu bapa dan masyarakat dalam memerangi penyalahgunaan dadah juga penting dan mesti dipergiatkan sekiranya negara ingin memastikan ketagihan dadah dalam kalangan remaja dan belia, termasuk pelajar, tidak bertambah buruk.